

Australia tolak komen Dr. Mahathir

8 NOV 2002

SYDNEY 7 Nov. — Kerajaan Australia dan para pemimpin Islam tempatan hari ini menolak komen Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Australia tidak selamat bagi orang Islam.

“Orang Islam sangat selamat di negara ini,” kata jurucakap Persekutuan Majlis Islam Australia (AFIC), Kuranda Seyit.

“Australia mempunyai masyarakat yang sangat baik dan bertolak ansur,” katanya kepada akhbar *The Sydney Morning Herald*.

Dr. Mahathir kelmarin mengkritik Canberra kerana beberapa serbuan seca-

ra rambang yang dilakukan oleh pasukan keselamatan Australia ke atas rumah-rumah penduduk Islam yang disyaki mempunyai kaitan dengan kumplan radikal Jemaah Islamiah.

Menteri Imigresen Australia, Philip Ruddock turut mempertahankan rekod kerajaannya mengenai layanan terhadap orang Islam.

Beliau berkata, serbuan itu hanya menasarkan sejumlah kecil penduduk daripada keseluruhan 280,000 penduduk Islam di Australia. — AP